

Punca Soyuz tersasar timbul persoalan

KOSMO 17/24 23.10.07

Oleh JUNHAIRI ALYASA
junhairi.alyasa@kosmo.com

KUALA LUMPUR - Punca sebenar kapsul Soyuz TMA-10 tersasar daripada lokasi pendaratannya masih menimbulkan tanda tanya.

Bagaimanapun, berdasarkan laporan awal Agensi Angkasa Rusia mengesahkan berlaku kegagalan pada sistem komputer yang mengawal kapsul tersebut sehingga menyebabkan berlaku lontaran balistik (pendaratan manual).

Akibatnya, kapsul tersebut mengalami tekanan graviti yang sangat kuat iaitu pada skala 15g (graviti) menyebabkan ia bergerak pada kelajuan tinggi sedangkan berdasarkan pendaratan yang pernah dilalui Soyuz, tekanan graviti normal ialah di antara 4 hingga 5g sahaja.


Bagaimanapun, agensi tersebut menjelaskan pendaratan yang berlaku semalam adalah normal dan ia pernah berlaku sebelum ini dan tidak memberi sebarang kesan sampingan kepada angkasawan.

Menurut Ketua Pengarahnya, Alexei Krasnov, pihaknya akan menyiasat perkara tersebut dan satu suruhanjaya siasatan khas ditubuhkan untuk tujuan tersebut.

"Sukar untuk kita nyatakan secara terperinci kejadian yang telah berlaku, kita perlu melakukan siasatan secara mendalam dan menyeluruh terhadap perkara ini," jelasnya.

Kejadian serupa pernah berlaku pada Mei 2003, terhadap krew Kosmonaut Rusia, Nikolai Budarin dan Astronaut Amerika, Kenneth Bowersox dan Donald Pettit menyebabkan pasukan penyelamat mengambil masa beberapa jam untuk mengenal pasti lokasi kapsul tersebut kerana terputus hubungan.

Kelmarin, kapsul Soyuz



KAPAL angkasa Soyuz TMA-10 yang mengangkut kapsul yang membawa Muszaphar dan dua angkasawan lain ke bumi.

TMA-10 yang membawa Sheikh Muszaphar bersama dengan dua angkasawan lain iaitu Komander Fyodor Yurchikhin dan jurutera penerbangan, Oleg Kotov dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) ke bumi tersasar sejauh 420 kilometer dari tempat pendaratan asal.

Ketika itu perhubungan komunikasi di antara kapsul tersebut dengan Pusat Kawalan Utama (MCC) di Moscow

terputus selama 10 minit, namun kapsul tersebut berjaya ditemui kira-kira 420 kilometer ke barat Arkylk pada pukul 6.37 petang.

Sementara itu, Pengarah Program Angkasawan Negara, Kolonel Dr. Zulkeffeli Mat Jusoh ketika dihubungi berkata, pendaratan kecemasan itu terpaksa dilakukan kerana masalah teknikal.

"Sepatutnya pendaratan itu dibuat oleh *flight control*, tetapi

disebabkan masalah tersebut, pendaratan secara manual perlu dilakukan iaitu jurutera penerbangan terpaksa mengawal kapsul secara manual seolah-olah kapsul itu 'terjun botol' dan turun dengan cara berputar," katanya.

Katanya, punca sebenar masalah tersebut hanya diketahui pada 8 atau 9 November ini setelah pembentangan mengenai masalah itu disiasat secara terperinci.